

12 APR 2000

Muhyiddin-Tanding

MUHYIDDIN SERAH BORANG TANDING NAIB PRESIDEN

KUALA LUMPUR, 12 April (Bernama) -- Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Tan Sri Muhyiddin Yassin telah menghantar borang menawarkan diri untuk bertanding merebut jawatan naib presiden Umno Mei ini.

"Saya telah serahkan borang ke ibu pejabat Umno sehari dua lepas," katanya kepada pemberita ketika ditanya mengenai perkara itu di pejabatnya hari ini.

Muhyiddin berkata beliau bagaimanapun tidak akan bertanding bagi kerusi Majlis Tertinggi walaupun beliau merupakan antara mereka yang dicalonkan.

Ditanya mengenai peluangnya, Muhyiddin yang mendapat 29 pencalonan, berkata beliau menyerahkan perkara itu kepada perwakilan.

"Ini satu proses menawar diri antara sahabat dalam parti dan semuanya ada peluang," katanya.

Perhimpunan agung Umno selama tiga hari akan berlangsung mulai 11 Mei dengan pemilihan untuk jawatan naib presiden dan MT diadakan pada hari pertama.

Jawatan presiden dan timbalan presiden tidak dipertandingkan apabila Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi secara tidak rasmi telah menang tanpa bertanding.

Selain Muhyiddin, yang turut layak bertanding merebut tiga kerusi naib presiden Umno ialah Datuk Seri Najib Tun Razak (151 pencalonan), Tan Sri Muhammad Haji Muhamad Taib (32), Datuk Abdul Ghani Othman (78), Datuk Seri Abu Hassan Omar (57), Datuk Osu Sukam (39), Datuk Seri Syed Hamid Albar (34), Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad (27) dan Datuk Rais Yatim (21).

Ketua Umno Kelantan Tengku Razaleigh Hamzah pula hanya memerlukan satu lagi pencalonan untuk melepasi had kelayakan 17 pencalonan.

Tinggal Bahagian Bandar Tun Razak saja yang belum selesai mengadakan mesyuarat perwakilannya.

-- BERNAMA

APG MAI